

Agenzia kerajaan, swasta disaran bantu persiap siswa universiti ke dunia perniagaan

NST 22.12.2017 8

KOTA KINABALU: Agenzia kerajaan dan swasta disarankan agar mengambil pelbagai inisiatif dalam memberi pendedahan dan pengetahuan khusus tentang dunia perniagaan bagi membantu siswa universiti menceburii bidang tersebut kelak.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Rasid Mail berkata, ini adalah bagi memastikan bakal graduan sentiasa peka akan perubahan dalam dunia sebenar serta lebih berdaya saing dalam pasaran modal insan.

"Di antara isu yang sering dibangkitkan masyarakat adalah kepekaan siswa-siswi terhadap perkembangan semasa dan realiti keadaan sebenar di luar sana, yang mungkin disebabkan oleh tumpuan para pelajar yang terlalu berfokuskan kepada hal ehwal akademik semata-mata.

"Dengan adanya program perkongsian ilmu misalnya, mereka berpeluang untuk bergairah selari dengan arus perkembangan semasa, sekali gus universiti mampu menghasilkan bakal graduan yang benar-benar berkualiti melalui penguasaan ilmu di samping peka terhadap perkembangan semasa dan mampu mengadaptasi diri dengan arus perubahan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan perasmian sempena Majlis Perasmian Pro-



CENDERERA HATI... Dr. Raman (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Dr. Haji Daud.

gram "Sesi Perkongsian Amalan Baik Peraturan (GRP): Pemodenan Lesen Perniagaan Negeri Sabah" yang dibacakan oleh Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin di Dewan Kuliah Putat 1, UMS pagi kelmarin.

Menurut beliau, inti pati sesi perkongsian tersebut amat relevan dengan keperluan siswa-siswi sebagai persiapan sebelum memasuki dunia perniagaan kelak.

Terdahulu, Pengarah Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Dr. Haji Daud Talib ketika berucap menjelaskan, inisiatif penganjuran program tersebut adalah bagi membantu dan memberi panduan kepada komuniti perniagaan terutamanya mengenai maklumat, syarat dan

peraturan yang perlu dipatuhi apabila menjalankan sebarang aktiviti perniagaan.

"Adalah diharapkan agar pembentangan daripada pihak Kementerian Kewangan Sabah, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan SME Corp dapat memberi maklumat kepada siswa dan bakal usahawan mengenai inisiatif dan sokongan kerajaan kepada rakyat dalam menjalankan perniagaan."

"Semoga inisiatif ini juga dapat meningkatkan lagi tadbir urus dan kawal selia berkaitan pelesahan perniagaan, serta meningkatkan kepercayaan orang awam terhadap integriti serta ketulusan kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat," ujar beliau.

Lebih 100 pelajar dan kakitangan UMS hadir pada program sehari tersebut.